



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/027
Tarikh : 25 Januari 2022

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BIL 2 TAHUN 2022

TEMPOH BAHARU BAGI PENGASINGAN KES POSITIF COVID-19 DAN KUARANTIN KONTAK RAPAT KEPADA KES POSITIF COVID-19 SERTA KELAYAKAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Berdasarkan Kenyataan Media Kementerian Kesihatan Malaysia: Tempoh Baharu Bagi Pengasingan Kes Positif COVID-19 dan Kuarantin Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19, pihak LGM mengeluarkan garis panduan baharu untuk makluman Pegawai dan Pehidmat LGM. Tempoh pengasingan dan kelayakan BDR adalah seperti berikut:

Kategori	Kes Positif COVID-19		Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 <small>*mohon majukan Status/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang terkini kepada UPSM</small>	
	Telah lengkap vaksinasi dan tidak bergejala	Tidak lengkap atau tiada vaksinasi atau bergejala	Telah menerima dos penggalak	Lengkap vaksinasi/belum lengkap/tiada vaksinasi
Cuti Kerantina/ Tempoh Kuarantin	7 hari atau berdasarkan surat arahan KKM	10 hari atau berdasarkan surat arahan KKM	-	-
Tempoh BDR	-	-	5 hari bermula dari tarikh menjalani ujian calitan COVID-19	7 hari bermula dari tarikh menjalani ujian calitan COVID-19
Sistem e-WFH	Tidak perlu 'clock in' dan 'clock out'	Tidak perlu 'clock in' dan 'clock out'	Wajib 'clock in' dan 'clock out' serta membuat laporan tugas harian sepanjang tempoh BDR	Wajib 'clock in' dan 'clock out' serta membuat laporan tugas harian sepanjang tempoh BDR

3. Bagi Pegawai dan Pekhidmat LGM yang mempunyai isu dengan penutupan taska atau sekolah disebabkan penularan COVID-19, boleh dipertimbangkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan syarat-syarat seperti berikut:

- BDR hanya dibenarkan bagi Pegawai dan Pekhidmat LGM yang mempunyai pasangan yang bekerja tetapi perlu secara bergilir dengan pasangan bagi penjagaan anak sepanjang tempoh penutupan taska atau sekolah.
- Pegawai dan Pekhidmat LGM perlu memajukan bukti surat rasmi daripada taska/sekolah kepada KUPSM.
- Pegawai dan Pekhidmat LGM perlu memajukan bukti surat pengesahan majikan daripada agensi tempat pasangan bekerja kepada KUPSM.

4. Berikut merupakan kelayakan BDR bagi Pegawai dan Pekhidmat LGM yang mempunyai isu dengan penutupan taska atau sekolah disebabkan penularan COVID-19:

Kategori	Kelayakan BDR
Kategori 1 (Bukan kontak rapat): Taska/sekolah ditutup tetapi anak bukan satu kelas dengan pelajar/guru yang positif COVID-19.	Pegawai dan Pekhidmat dibenarkan BDR berdasarkan tempoh yang dinyatakan di dalam surat rasmi taska atau sekolah tetapi perlu bergilir dengan pasangan bagi penjagaan anak.
Kategori 2 (Kontak rapat): Taska/sekolah ditutup dan anak satu kelas dengan pelajar/guru yang positif COVID-19.	Pegawai dan Pekhidmat dibenarkan BDR mengikut tempoh pengasingan kontak rapat berdasarkan tempoh yang dinyatakan di dalam surat rasmi taska atau sekolah.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah – Pengarah Bahagian